

### PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BERHUTANG

Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan terutama sekali bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan.

Agama yang mulia ini menganjurkan umatnya menjalani kehidupan secara wasatiyyah (bersederhana) dan mengutamakan sikap qana'ah ( merasa cukup dengan apa yang dimiliki ).

### TERDAPAT 2 KATEGORI PINJAMAN DALAM ISLAM

#### 1) AL-ARIYAH

- Pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barang atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam.

- Tujuan tersebut adalah bagi penggunaan manfaat barang barang atau harta tersebut secara percuma.

- Hak pemilikan masih kekal pada pemberi pinjaman.

- Peminjam tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan @ susut nilai barang tersebut KECUALI kecuaian adalah berpunca dari peminjam sendiri.

- Melibatkan barang atau benda yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikembalikan dalam keadaan asal.

- Contohnya kereta,telefon bimbit, baju dan buku.

#### 2) AL - QARD

- Menurut bahasa : Al- Qat'u (potong)



By nhidayahyassin

[cheatography.com/nhidayahyassin/](http://cheatography.com/nhidayahyassin/)

### TERDAPAT 2 KATEGORI PINJAMAN DALAM ISLAM (cont)

- Menurut *istilah* : penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut .

- Sebarang tambahan terhadap barang atau wang yang diberi pinjam adalah ditegah dalam islam kerana ia dianggap sebagai RIBA' atau lebihan yang tidak mempunyai ganti.

- Orang yang berhutang bertanggungjawab untuk memulangkan barang yang sama atau serupa dengan apa yang dipinjam tanpa sebarang tambahan harta.

- Barang yang menjadi objek bagi akad *qard* ialah wang atau medium lain yang diterima oleh orang ramai.

- Dikategorikan sebagai akad *tabarru'* (kontrak yang berteraskan kepada konsep kebajikan) kerana manfaat daripada transaksi yang berlaku hanya diperolehi oleh satu pihak sahaja iaitu penghutang.

### LARANGAN RIBA

*" Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba' dengan dengan berlipat-lipat ganda dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya."*

Allah swt juga telah memberi peringatan kepada orang yang beriman agar tidak memakan riba, sebaliknya mereka diseru agar kembali bertaqwa kepada Allah.

### Hadir Rasulullah SAW yang menyebut

كُلْ قَرْضٍ جَرَّ نَفْعًا فَهُوَ الرِّبَا

"Setiap bentuk *qardh* (Utang) yang menarik manfaat maka itu adalah RIBA." (HR Baihaqi)



### Prinsip Al - Qard Al - Hassan

- : Perkataan *al-qard al-hassan* bermaksud pinjaman yang baik.

- : Merupakan satu manifestasi kprihatinan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan kewangan.

- : Peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah.

- : Justeru, Islam hanya membenarkan transaksi pemberian hutang atau pinjaman wang yang bebas daripada unsur riba' dan mengutamakan kebajikan dan keadilan sosial yang dikenali sebagai \*al-qard al-hassan.

Published 26th June, 2020.

Last updated 26th June, 2020.

Page 1 of 3.

Sponsored by [CrosswordCheats.com](http://CrosswordCheats.com)

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>

### HUKUM AL-QARD AL-HASSAN

- Hukum perlaksanaan *qard hassan* adalah **sunat** berdasarkan hadis Rasulullah SAW dan juga ijmak para fuqaha'.
- Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Anas bahawa Rasulullah SAW telah bersabda iaitu hukum memberi hutang kepada seseorang yang memerlukan adalah **sunat**.
- Manakala **harus** bagi seseorang yang berhutang bagi tujuan untuk membebaskan dirinya daripada kesempitan hidup.
- Jelas di sini bahawa **Islam** merupakan satu **agama yang memberi ruang dan jalan penyelesaian terhadap kesulitan**.

- Ia selaras dengan prinsip utama *akad qard* iaitu *ta'awun* iaitu **saling bantu-membantu** dikalangan sesama insan bagi tujuan meringankan beban yang ditanggung oleh orang itu.

### RUKUN AL-QARD

1. Pemutang (orang yang memberikan pinjaman)
  - a) Seorang ahli *tabarru'* yang boleh menguruskan harta dan bukan gila.
  - b) Tiada unsur paksaan (reda)
2. Pengutang / peminjam
  - a) Bukan seorang yang *mahjur 'alaih* kerana *safih*, orang gila atau kanak-kanak.
  - b) Tiada unsur paksaan (reda).

### RUKUN AL-QARD (cont)

c) Berkemampuan untuk membayar balik pinjaman yang dibuat.

#### 3. Barang yang dipinjam

#### 4. Sighah

- Mestilah mempunyai lafadz *ijab* dan *qabul* yang membawa maksud pemberian pinjaman dan hutang.

**Contohnya :** "Aku membenarkan engkau meminjam RM 100 dan hendaklah digantikan kembali wang ini."

### OBJEKTIF PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN

- 1- Membantu golongan yang memerlukan.
- 2- Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya dan miskin melalui pengagihan kekayaan dan sumber dalam masyarakat.
- 3- Menghapuskan diskriminasi sosial dan ekonomi dalam masyarakat.
- 4- Memupuk semangat persaudaraan, keprihatinan, ihsan dan saling bantu membantu di kalangan umat Islam.
- 5- Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.
- 6- Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat.

### PRINSIP-PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

- i) Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis bagi memastikan pihak yang berkontrak khususnya pengutang menyedari komitmen masing-masing untuk membayar kembali hutang tersebut.
- ii) Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan atas sebab kelewatan membuat pembayaran balik hutang meskipun telah dipersetujui atau disyariatkan di awal kontrak.
- iii) Sebelum sesuatu harta pusaka dibahagikan secara faraid, segala hutang piutang si mati hendaklah dibereskan terlebih dahulu.
- iv) Hutang merupakan hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh sebagaimana yang dijanjikan.

### Doa Harian yang diamalkan oleh Rasulullah SAW



Sponsored by [CrosswordCheats.com](http://crosswordcheats.com)

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>

By nhidayahyasssin



[cheatography.com/nhidayahyasssin/](https://cheatography.com/nhidayahyasssin/)

Published 26th June, 2020.

Last updated 26th June, 2020.

Page 2 of 3.

### RUMUSAN

: Islam mengharuskan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan, namun tindakan tersebut tidak sewajarnya dijadikan amalan atau budaya melainkan dalam keadaan terdesak.

: Tabiat gemar berhutang wajar dihindari kerana kesannya mengakibatkan seseorang itu hidup dalam kegusaran, kerisauan dan tertekan sehingga menjadikan institusi keluarga dan persahabatan.

: Umat Islam dianjurkan untuk menjalani kehidupan secara bersederhana dan bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah atas daya usaha masing-masing.

: Pelan pinjaman *al-qard al hassan* wajar diketengahkan dan diperluaskan lagi pelaksanaannya sebagai salah satu asas dalam mengerakkan sistem ekonomi Islam yang bebas daripada elemen riba'.



By nhidayahyasssin

[cheatography.com/nhidayahyasssin/](https://cheatography.com/nhidayahyasssin/)

Published 26th June, 2020.

Last updated 26th June, 2020.

Page 3 of 3.

Sponsored by [CrosswordCheats.com](http://crosswordcheats.com)

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>